

PEMAIN pasukan
17 Predator UPM (kiri)
dan UPM A meraikan
kemengan.



■ Dominasi kategori lelaki, wanita hoki IPT



**AKSI
SETEMPAT**

Arena mengalu-alukan sebarang aktiviti sukan di pelbagai peringkat untuk disiarkan di akhbar ini. Gambar serta keterangan ringkas boleh dihantar ke sukan@hmetro.com.my

Oleh **Anis Nabilla Md Wazilah**
am@hmetro.com.my
Georgetown

Universiti Putra Malaysia (UPM) menungguli Pesta Hoki Antara-bangsa Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang edisi ke-41 apabila muncul juara kategori lelaki dan wanita Institut Pengajian Tinggi (IPT), baru-baru ini.

Bagi kategori lelaki, pasukan 17 Predator UPM menewaskan UPNM Black 1-0 menerusi jaringan emas Mohd Afnanizam Zakaria.

Bagi kategori wanita pula, kedua-dua pasukan UPM berentap di perlawanan akhir sebelum UPM A menang 3-2 ke atas UPM B.

Kedua-dua pasukan membawa pulang wang tunai RM1,000 dan Piala Pusingan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, medal dan hamper yang disampaikan Setiausaha Bahagian Sukan Sektor Penga-

jian Tinggi Kementerian Pendidikan Malaysia Hazally Jali di Stadium Hoki USM.

Pesta hoki tahunan itu menyaksikan 404 pasukan dari dalam dan luar negara mengambil bahagian. Kejohanan berlangsung selama empat hari bermula Khamis lalu.

Kejohanan itu menyaksikan 12 kategori dipertandingkan antaranya lelaki terbuka klasik, wanita terbuka klasik, IPT lelaki dan wanita, lelaki dan perempuan bawah 18 tahun, remaja lelaki dan perempuan bawah 15 tahun serta lelaki dan perempuan bawah 12 tahun.

Sementara itu, Pro Canselor USM Tan Sri Mustafa Mansur ketika majlis makan malam sempena pesta berkenaan, berkata kejohanan itu adalah platform bagi mencari dan mengasah bakat baru dalam sukan hoki.

Beliau berkata, melalui kejohanan itu, pemain tempatan menikmati pendedahan apabila berpeluang bermain dengan pasukan bukan saja dari dalam negara, malah luar negara.

“Kejohanan ini tempat bakat baru dikesan dan pada masa sama dapat memperkenalkan sukan berkenaan kepada masyarakat luar negara.

“Pada masa sama, penganjuran ini dapat mempromosi pelancongan kita kepada pasukan negara lain yang turut mengambil bahagian,” katanya.

FAKTA

**Pasukan lelaki,
wanita UPM
masing-masing bawa
pulang trofi, hadiah
RM1,000**